

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 15, 2019 2:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar UUM Wakili Negara Dalam Pertandingan Chinese Bridge Di China



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 MEI 2019 / 10 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Nadia Rusli
Gambar oleh: SLCP

PELAJAR UUM WAKILI NEGARA DALAM PERTANDINGAN CHINESE BRIDGE DI CHINA



UUM ONLINE: Pelajar dari Pusat Pengajian Antarabangsa, Rishalini A/P Krishnan telah bergelar juara dalam *The 18th Chinese Bridge Chinese Proficiency Competition for Malaysia Region 2019* anjuran Institut Kong Zi, Universiti Malaya dan Kedutaan Republik Rakyat China, baru-baru ini.

Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa itu telah menewaskan 30 peserta dari 13 buah universiti lain yang turut mengambil bahagian dalam pertandingan yang berlangsung di Institut Kong Zi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rishalini akan mewakili Malaysia dalam Pertandingan *Chinese Bridge* bagi pusingan suku akhir dan pusingan akhir yang bakal diadakan pada Julai depan di Hunan, China.

Selain Rishalini, tiga lagi pelajar yang turut mewakili UUM dalam pertandingan tersebut iaitu Nurul Syazwani Mohd Khairi yang berjaya mendapat hadiah kepujian, manakala Farah Nur Najwa Muhammad Azhar dan Rozlyani Ruslan menerima hadiah saguhati.

Pertandingan *Chinese Bridge* terbuka kepada peserta yang bukan penutur jati Bahasa Mandarin dan ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu syarahan pendek (30 peratus), sesi soal jawab (20 peratus) dan persembahan (50 peratus).

Sementara itu, Dekan SLCP, Prof. Dr. Shukri Ahmad berkata, pihaknya menghantar empat pelajar terbabit untuk menyertai pertandingan tersebut sebagai peluang kepada mereka untuk menimba pengalaman berharga dengan beraksi di hadapan penonton, sekali gus meningkatkan tahap keyakinan diri.

Menurutnya, pertandingan itu juga menggalakkan pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Mandarin memandangkan penggunaan bahasa itu semakin penting pada masa kini.

“Saya bangga dengan kejayaan yang diperoleh ini dan berharap wakil UUM yang mewakili negara akan mengharumkan nama Malaysia dan UUM di luar negara,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.